



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

PROSEDUR SKIM PENGESAHAN BENIH PADI JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

2022

PRAKATA

Prosedur ini dikeluarkan sebagai panduan kepada pengeluar benih bagi mengeluarkan benih padi sah berdasarkan prosedur-prosedur yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) Jabatan Pertanian. Edisi kelima ini merupakan penambahbaikan yang dibuat kepada edisi sebelumnya bagi meningkatkan proses penjejakan di sepanjang rangkaian pengeluaran benih padi sah.

Semua maklumat dan bahan-bahan daripada penerbitan ini boleh dirujuk dan digunakan dalam apa bentuk jua dengan syarat sumber rujukan dinyatakan dengan jelas.

Edisi Pertama	15 November 2007
Edisi Kedua	23 Mac 2009
Edisi Ketiga	9 Ogos 2011
Edisi Keempat	30 November 2012
Edisi Kelima	20 Ogos 2022

Dikeluarkan oleh :

Jabatan Pertanian Malaysia
Aras 7-17, No. 30, Persiaran Perdana
Presint 4, 62624
Putrajaya

KANDUNGAN

PROSEDUR SKIM PENGESAHAN BENIH PADI JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

PRAKATA	11
PENGENALAN	12
PROSEDUR PENDAFTARAN SEBAGAI PENGELUAR BENIH PADI	15
Permohonan Sebagai Pengeluar Benih Padi.....	15
Pelaksanaan Audit Pra-kelayakan Pengeluar dan Kelulusan	16
PROSEDUR PERAKUAN KELAYAKAN DAN PENYENARAIAH VARIETI	17
Syarat Kelayakan.....	17
Perakuan Kelayakan dan Penyenaraian Varieti.....	17
PROSEDUR PEMILIHAN DAN PENGURUSAN LADANG BENIH	17
Keadaan Ladang Benih	17
Cuci Tapak (Flushing).....	18
Penanaman Ladang Benih	19
Penakaian.....	20
PROSEDUR PENDAFTARAN LADANG BENIH	21
Perancangan Penanaman Ladang Benih	21
Pendaftaran Ladang Benih	21
PROSEDUR PEMERIKSAAN LADANG BENIH	22
Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Pra-tanam	23
Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Tampang.....	23
Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Berbunga	24
Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Pra-tuai	25
PROSEDUR PEMERIKSAAN LOJI PEMROSESAN BENIH PADI	25
PROSEDUR PENUAIAH DAN PEMROSESAN BENIH PADI MENTAH	27
Penuaian Benih Padi Mentah	27
Pemprosesan Benih Padi Mentah.....	28
PROSEDUR PEMBUNGKUSAN DAN PENGGUNAAN LABEL	28

PROSEDUR PENSAMPELAN BENIH	29
Aturan Pensampelan Benih	29
PROSEDUR UJIAN KUALITI BENIH PADI.....	29
Ujian Ketulenan Fizikal	30
Ujian Kelembapan.....	30
Ujian Percambahan	31
Ujian Carian Biji Lain.....	31
Ujian Tamat Tempoh	31
PROSEDUR PEMERIKSAAN STOR DAN STOK.....	32
PROSEDUR PEMROSESAN SEMULA BENIH PADI	33
Pembungkusan dan Penggunaan Label	33
Pensampelan Benih dan Ujian Biji Benih.....	33
PROSEDUR PERAKUAN PENGESAHAN KUALITI BENIH PADI.....	34
PROSEDUR PELABELAN	34
PROSEDUR PELUPUSAN BENIH PADI	35
PENUTUP	376

PENGENALAN

Pihak kerajaan telah menetapkan semua pesawah menggunakan benih padi sah untuk tujuan penanaman menjelang tahun 2009. Bagi memenuhi dasar tersebut, Jabatan Pertanian telah dilantik sebagai sebagai Agensi Pengesah, manakala aktiviti pengeluaran dan pembekalan benih padi sah pula akan diterajui oleh pihak swasta dan dilaksanakan di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP).

SPBP merupakan satu sistem perakuan kualiti bagi mengeluarkan dan membekal benih padi untuk tujuan penanaman mengikut syarat dan piawaian yang ditetapkan. Aspek penting yang ditetapkan di bawah SPBP melibatkan pematuhan kepada ketetapan sumber serta generasi benih yang digunakan dan piawaian yang ditetapkan melalui pemeriksaan ladang dan pengauditan premis, rekod dan pengujian.

Pemeriksaan dan pengauditan akan dibuat oleh Pegawai Penguatkuasaan dan Inspektorat (SPI), Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman (BKKT) dari Jabatan Pertanian. Jabatan Pertanian akan mengeluarkan perakuan kualiti benih padi berdasarkan kepada spesifikasi yang terkandung dalam dokumen MS 469 – *Rice (Oryza sativa L.) inbred seed planting material – Specification* dan Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM) : Spesifikasi Pengeluaran Benih Padi (*Oryza sativa L.*). SJPM boleh diperolehi dari pejabat Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman, Jabatan Pertanian, Putrajaya dan negeri atau boleh dimuat turun dari Laman Web Jabatan Pertanian <http://www.doa.gov.my>.

Di bawah SPBP, hanya pengeluar benih yang dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) layak memohon untuk mendapatkan perkhidmatan skim ini. Prosedur ini tergunapakai untuk pengeluaran **benih daftar dan sah**. Varieti-varieti yang dikeluarkan adalah daripada varieti yang ditetapkan oleh kerajaan.

Prosedur ini dikeluarkan sebagai panduan kepada pengeluar benih bagi mengeluarkan benih padi sah berdasarkan syarat dan keperluan yang ditetapkan di bawah SPBP Jabatan Pertanian.

PROSEDUR PENDAFTARAN SEBAGAI PENGELUAR BENIH PADI

Permohonan Sebagai Pengeluar Benih Padi

Hanya Pengeluar benih yang dilantik oleh MAFS layak membuat permohonan sebagai Pengeluar Benih Padi di bawah SPBP. Pengeluar benih perlu memastikan mempunyai loji pemprosesan benih padi yang mempunyai keupayaan dan kapasiti dalam melaksanakan pengeluaran benih padi. Pengeluar benih juga perlu mewujudkan satu pasukan pengurusan yang mencukupi dan kompeten dalam pengurusan ladang benih, pengurusan loji pemprosesan benih padi dan pengawalan kualiti dalaman di sepanjang rangkaian pengeluaran benih padi.

Permohonan pendaftaran perlulah dibuat dengan mengisi borang **Permohonan Sebagai Pengeluar Skim Pengesahan Benih Padi (Borang SAP 1)**. Borang SAP 1 boleh dimuat turun daripada Laman Web Jabatan Pertanian <http://www.doa.gov.my> atau diperolehi di tempat-tempat seperti berikut:

1. Jabatan Pertanian Malaysia,
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Aras 7, No. 30, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya

2. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Kompleks Pertanian Telok Chengai,
06600 Kuala Kedah,
Kedah Darul Aman

3. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Kompleks Pertanian Bumbong Lima,
13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang

4. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Kompleks Pertanian Titi Gantong,
32600 Bota,
Perak Darul Ridzuan

5. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Pusat Pertanian Sungai Burong,
45500 Tanjong Karang,
Selangor Darul Ehsan

6. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Makmal Diagnostik Bersepadu Wilayah,
Timur, P.O.Box 25, Pejabat Pos Jerteh,
22000 Jerteh,
Terengganu Darul Iman

7. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Kompleks Pertanian Cameron Highlands,
39000 Tanah Rata,
Cameron Highlands,
Pahang Darul Makmur

8. Pegawai Kuasa Usaha (K/U),
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Pusat Kejuruteraan Pertanian Ayer Hitam,
Kompleks Pertanian Ayer Hitam,
86100 Ayer Hitam,
Johor Darul Ta'zim

Setiap permohonan perlulah disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan dan dikemukakan bersama-sama Borang SAP 1. Pengeluar benih perlu mengisi semula Borang SAP 1 bagi setiap loji pemprosesan benih baru yang akan beroperasi dan sebarang penambahbaikan dan naik taraf loji pemprosesan benih padi sedia ada. Borang yang telah lengkap diisi perlulah dihantar kepada:

Jabatan Pertanian Malaysia,
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Aras 7, No. 30, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62624 Putrajaya.
(U.P : Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman)

Permohonan yang tidak lengkap atau mengandungi maklumat yang salah tidak akan dipertimbangkan.

Pelaksanaan Audit Pra-kelayakan Pengeluar dan Kelulusan

Borang permohonan akan disemak bagi memastikan ianya telah diisi dengan lengkap dan betul. Pemeriksaan dan pengauditan akan dijalankan oleh Pegawai SPI dari Ibu Pejabat BKKT atau BKKT Negeri berkaitan selewat-lewatnya **dua (2) minggu** selepas permohonan lengkap diterima. Pemeriksaan dan pengauditan adalah bertujuan bagi menentusahkan keupayaan pengeluar benih dan kesesuaian premis untuk mengeluarkan benih padi. Keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pengeluar benih selewat-lewatnya **dua (2) minggu** selepas pemeriksaan lengkap dijalankan. Langkah-langkah bagi pendaftaran sebagai pengeluar benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 1**.

PROSEDUR PERAKUAN KELAYAKAN DAN PENYENARAIAAN VARIETI

Syarat Kelayakan

Hanya varieti yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKDBKKIPB) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) boleh mendapatkan perakuan pengesahan kualiti di bawah skim ini.

Perakuan Kelayakan dan Penyenaraian Varieti

Pemilik atau agen kepada pemilik varieti perlu mengemukakan surat permohonan kepada Ibu Pejabat BKKT untuk mendapatkan kelayakan dan penyenaraian varieti di bawah SPBP bagi mengeluarkan setiap kategori benih yang ditetapkan.

Pemilik atau agen kepada pemilik varieti perlu menyertakan Daftar Pencirian Varieti (Variety Descriptor Lists) kepada Ibu Pejabat BKKT. Hanya varieti yang diperakui oleh Ibu Pejabat BKKT dan mempunyai perbezaan ciri-ciri yang nyata (distinct), seragam (uniform), stabil (stable) serta boleh dikenalpasti berdasarkan satu atau lebih ciri-ciri morfologi layak dipertimbangkan. Pada bila-bila masa jika mana-mana varieti yang didapati tidak stabil pula akan hilang kelayakan dan dikeluarkan daripada senarai daftar varieti di bawah SPBP. Semua perakuan status kelayakan sesuatu varieti akan diputuskan dalam Mesyuarat JKDBKKIPB, MAFS berdasarkan syor agensi pengesahan. Langkah-langkah bagi pendaftaran sebagai pengeluar benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 2**.

PROSEDUR PEMILIHAN DAN PENGURUSAN LADANG BENIH

Keadaan Ladang Benih

Pemilihan ladang benih yang tepat merupakan aspek penting dalam mewujudkan ladang benih yang berjaya dan berdaya maju. Pemilihan ladang benih yang betul dan tepat dengan kriteria pemilihan ladang benih akan menentukan tahap kualiti benih khususnya dari segi ketulenan, kesihatan benih, kebolehhidup (viability) dan kecergasan (vigour). Justeru itu, pengeluar benih adalah bertanggungjawab untuk memilih dan mewujudkan ladang benih mengikut kriteria yang ditetapkan. Ladang

benih yang dipilih sebaiknya dijadikan tapak kekal ladang benih kerana ia dapat membantu membendung pencemaran kualiti benih khususnya padi angin.

Ladang benih yang dipilih perlulah mematuhi syarat dan keperluan yang di dalam dokumen MS 469 (*Rice (Oryza sativa L.) inbred seed planting material - Specification*) dan Standard Jabatan Pertanian Malaysia (SJPM): Spesifikasi Pengeluaran Benih Padi (*Oryza sativa L.*).

Cuci Tapak (*Flushing*)

Tertakluk kepada status ladang benih, proses *flushing* perlu dilakukan dalam pelaksanaan SPBP. Ketetapan keperluan *flushing* dalam pengeluaran benih padi adalah pra-syarat asas bagi mewujudkan **ladang benih baru** dan **melakukan pertukaran varieti** pada musim akan datang bagi menghindari / membendung sebarang kemungkinan pencemaran khususnya padi angin, pokok takai dan rumpai berbahaya di peringkat ladang. Asas dan ketetapan proses *flushing* adalah seperti berikut:

- i. Ladang benih sah yang akan menggunakan kaedah penanaman secara **tabur terus** adalah diwajibkan menjalankan proses *flushing* sekurang-kurang satu (1) musim tertakluk kepada keadaan ladang dan tahap amalan pengurusan baik (best management practices).
- ii. Varieti yang digunakan adalah daripada varieti yang sama akan dikeluarkan. Hasil tuaian **tidak boleh diperakukan** untuk diproses sebagai benih;
- iii. Sumber benih adalah daripada kategori benih daftar dan sah sahaja.
- iv. Proses *flushing* **tidak perlu** jika pengeluar benih mengamalkan kaedah penanaman secara mengubah dengan jentera menanam atau mencedung.

Permohonan perlulah menggunakan borang **Permohonan Pendaftaran Ladang Benih Skim Pengesahan Benih Padi (Borang SAP 2)**. Borang SAP 2 yang telah lengkap perlulah dihantar kepada BKKT Negeri di mana ladang benih didaftarkan selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh penanaman. Pengeluar benih perlu menyatakan keperluan proses *flushing* semasa membuat permohonan pendaftaran ladang benih. Kegagalan memaklumkan keperluan atau terdapat unsur

keraguan dalam pelaksanaan proses *flushing* boleh menyebabkan pendaftaran ladang benih terlibat **terbatal**.

Pengeluar perlulah memastikan langkah-langkah amalan pengurusan baik dilaksanakan semasa proses *flushing*. Proses penakaian perlu dilakukan bagi memastikan ladang proses *flushing* bebas daripada sebarang pencemaran pokok takai dan padi angin.

Pemeriksaan ladang proses *flushing* akan dilakukan oleh pegawai SPI Negeri berkaitan pada setiap peringkat jika perlu. Pengeluar benih atau wakil pengurusan yang dilantik wajib hadir sama semasa pemeriksaan ladang bagi proses *flushing* dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot ladang terlibat dibatalkan. **Pihak SPI BKKT tidak akan berurusan dengan mana-mana wakil yang tidak dilantik oleh pihak pengeluar benih secara rasmi.**

Penilaian ke atas tahap pematuhan akan dilakukan dari semasa ke semasa. Kegagalan pengeluar benih mematuhi mana-mana elemen yang ditetapkan boleh menyebabkan pendaftaran ladang proses *flushing* terbatal. Keputusan pemeriksaan ladang proses *flushing* yang telah diperakui oleh Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan akan dimaklumkan kepada pengeluar benih selewat-lewatnya **tujuh (7) hari** selepas pemeriksaan ladang proses *flushing* selesai dijalankan.

Penanaman Ladang Benih

Ladang benih bagi maksud untuk mendapatkan pengesahan perlulah ditanam dengan varieti yang dipohon. Bagi pengeluaran benih daftar, hanya **kaedah penanaman secara mengubah dengan jentera menanam atau mencedung sahaja dibenarkan**. Bagi pengeluaran benih sah, pengeluar benih adalah digalakkan mengamalkan kaedah penanaman secara mengubah dengan jentera menanam atau mencedung. Manakala kaedah penanaman secara tabur terus dibenarkan bagi lot ladang yang telah menjalani proses *flushing*. Setiap ladang benih perlu menggunakan bekalan benih padi daripada sumber yang disahkan. Pengeluar benih perlu menyatakan lokasi tapak semaian yang menyedia dan membekal semaian bagi setiap ladang benih terlibat.

Pengeluar benih perlu menyimpan semua rekod transaksi atau bukti kesahihan kategori sumber benih yang digunakan bagi tujuan pengesahan. Penyulaman anak padi hanya dibenarkan daripada sumber-sumber yang diperakui dan disahkan. Kegagalan mengemukakan bukti boleh mengakibatkan permohonan tersebut dibatalkan.

Penanaman perlu dijadualkan bagi memastikan tidak berlaku pertembungan masa penuaian apabila melibatkan lebih dari satu kategori dan varieti. Ini bagi mengelakkan berlakunya percampuran semasa di ladang atau di mana-mana premis berkaitan. Pihak BKKT Negeri berkaitan berhak menolak permohonan ladang benih yang dikhuatiri boleh menyebabkan berlakunya percampuran atau pertindihan semasa penuaian dan pemprosesan di loji pemprosesan benih padi. Penanaman boleh dimulakan setelah mendapat kelulusan Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan. Pengeluar benih perlu menyediakan papan tanda lot ladang benih mengikut spesifikasi yang ditetapkan (Lampiran 1) selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari** selepas tanam sehingga penuaian pada setiap lot ladang benih. Sebarang pertukaran lot ladang benih antara pengeluar benih adalah tidak dibenarkan.

Penakaian

Penakaian merupakan amalan mandatori dalam pengeluaran benih padi bagi mengeluarkan benih padi yang berkualiti berdasarkan piawaian yang ditetapkan. Penakaian melibatkan proses mengenalpasti, mengeluarkan dan memusnah pokok takai atau mana-mana tumbuhan yang tidak diingini, meliputi jenis atau varieti lain, rumpai, padi angin, padi liar, pokok yang meragukan dan tanaman lain dari ladang benih. Pengeluar benih bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penakaian berdasarkan amalan pengurusan baik yang ditetapkan. Proses penakaian perlu dilakukan bagi memastikan ladang benih bebas daripada sebarang pencemaran pokok takai dan padi angin.

PROSEDUR PENDAFTARAN LADANG BENIH

Perancangan Penanaman Ladang Benih

Pengeluar benih perlu membuat perancangan penanaman ladang benih di negeri berkaitan berdasarkan kepada sasaran yang telah ditetapkan. Perancangan penanaman ladang benih perlulah dihantar ke Ibu Pejabat BKKT pada setiap musim penanaman selewat-lewatnya **dua (2) bulan** sebelum permulaan musim penanaman baru bagi tujuan semakan dan penyelarasan pendaftaran ladang benih antara negeri. Keputusan permohonan perancangan penanaman ladang benih akan dimaklumkan kepada pengeluar benih selewat-lewatnya **satu (1) minggu** selepas permohonan diterima.

Pendaftaran Ladang Benih

Pengeluar benih perlu mewujudkan skim ladang benih dengan keluasan minimum empat (4) hektar bagi setiap varieti di satu kawasan yang berhampiran dan bersebelahan (contiguous). Semua permohonan perlu disertakan bersama peta lokasi bagi pengenalpastian lot ladang benih dan kerja-kerja pemeriksaan ladang. Pengeluar benih juga perlu menyertakan salinan maklumat Borang SAP 8 berkaitan yang telah disahkan dan peta lokasi sebagai dokumen sokongan kepada permohonan tersebut.

Permohonan perlulah menggunakan borang **Permohonan Pendaftaran Ladang Benih Skim Pengesahan Benih Padi (Borang SAP 2)**. Borang SAP 2 yang telah lengkap perlulah dihantar kepada BKKT Negeri di mana ladang benih didaftarkan selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh penanaman. Sebarang pindaan terhadap permohonan asal dianggap sebagai permohonan baru dan perlulah dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan. **Permohonan atau pindaan yang lewat daripada tempoh masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.** Langkah-langkah bagi pendaftaran ladang benih adalah seperti dalam **Carta Alir 3**.

PROSEDUR PEMERIKSAAN LADANG BENIH

Pemeriksaan ladang benih akan dilakukan sama ada oleh Pegawai SPI BKKT Negeri atau Pegawai Kawalan Kualiti Dalam (Pengeluar). Ia bertujuan untuk memastikan ladang benih dan tanaman memenuhi piawaian ladang seperti yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM. Pemeriksaan ladang benih dilaksanakan mengikut ketetapan berikut:

- i. Peringkat pra-tanam – Pegawai SPI BKKT Negeri
- ii. Peringkat tampang – Pegawai Kawalan Kualiti Dalam (Pengeluar)
- iii. Peringkat berbunga – Pegawai Kawalan Kualiti Dalam (Pengeluar)
- iv. Peringkat pra-tuai – Pegawai SPI BKKT Negeri

Pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tanam dan peringkat pra-tuai akan dilakukan oleh Pegawai SPI BKKT Negeri. Manakala pemeriksaan ladang benih peringkat tampang dan berbunga akan dilakukan oleh Pegawai Kawalan Kualiti Dalam (Pengeluar Benih) terlibat. Walau bagaimanapun, Pegawai SPI BKKT boleh membuat semakan silang secara rambang pada bila-bila masa jika terdapat unsur-unsur keraguan. Pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tuai hanya akan dijalankan selepas laporan pemeriksaan ladang benih peringkat tampang dan berbunga diterima daripada pihak pengeluar benih. Pemeriksaan ulangan bagi peringkat pra-tuai boleh dipertimbangkan jika terdapat keperluan.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pemeriksaan ladang benih kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan dengan menyertakan cadangan jadual pemeriksaan selewat-lewatnya **satu (1) minggu** sebelum pemeriksaan dijalankan. Pengeluar benih atau wakil pengurusan yang dilantik wajib hadir sama semasa pemeriksaan ladang benih dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan ladang benih terlibat dibatalkan. **Pihak SPI BKKT tidak akan berurusan dengan mana-mana wakil yang tidak dilantik oleh pihak pengeluar benih secara rasmi.**

Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Pra-tanam

Pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tanam bertujuan untuk menentukan sejarah lokasi ladang benih termasuk varieti yang ditanam pada musim sebelumnya dan mengesahkan kesesuaian petak sawah serta lokasi ladang yang dipohon. Bagi tujuan pemeriksaan kesahihan kategori dan sumber benih yang digunakan bukti rekod pengedaran dan penerimaan oleh pengeluar benih kepada petani, pukal atau pengusaha tapak semaian adalah diperlukan. Bagi kaedah penanaman secara mengubah dengan jentera menanam atau mencedung, pemeriksaan juga melibatkan perakuan tapak semaian yang akan membekalkan anak semaian. Penyediaan semaian adalah tertakluk kepada garis panduan pengendalian tapak semaian yang ditetapkan bagi tujuan pengeluaran benih padi.

Pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tanam akan dilakukan selewat-lewatnya **satu (1) minggu** selepas permohonan diterima. Keputusan pemeriksaan ladang benih yang telah diperakui oleh Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan akan dimaklumkan kepada pengeluar benih dengan menggunakan borang **Laporan Pemeriksaan Ladang (Borang SAP 3)** selewat-lewatnya **tujuh (7) hari** selepas pemeriksaan ladang benih selesai dijalankan. Pengeluar benih perlu mengemukakan jadual penanaman sebenar kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan selewat-lewatnya **14 hari** selepas tanam. Langkah-langkah bagi pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tanam adalah seperti dalam **Carta Alir 4**.

Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Tampang

Pemeriksaan ladang benih peringkat tampang bertujuan untuk membuat pengesahan dan perakuan ke atas perkara berikut:

- i. Papan tanda lot ladang benih (Lampiran 1) dipasang (30 hari selepas tanam);
- ii. Keluasan sebenar ladang benih;
- iii. Varieti yang ditanam memenuhi ciri-ciri benih seperti dipohon;
- iv. Memeriksa jarak pengasingan jika melibatkan varieti yang berlainan di lokasi skim yang sama;
- v. Memastikan tidak terdapat pokok takai dan penakaian dilakukan bagi menghindari pencemaran dari semua jenis pokok takai, rumpai atau perosak yang ditetapkan; dan

- vi. Mengesyorkan lorong kerja disediakan bagi ladang benih yang mengamalkan kaedah tabur terus.

Pengeluar benih perlu membuat penakaian seperti yang disyorkan bagi memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM. Kegagalan pengeluar benih untuk mematuhi spesifikasi atau syor yang dikemukakan boleh mengakibatkan lot ladang berkenaan digugurkan dari senarai skim ladang benih.

Laporan pemeriksaan ladang benih perlu disediakan oleh pihak pengeluar benih mengikut format yang ditetapkan dengan disertakan bersama peta lokasi (Google Map), data-data dan gambar bagi tujuan penilaian dan perakuan. Laporan yang telah diperakui oleh pihak pengeluar benih perlu dimaklumkan kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan dengan menggunakan Borang SAP 3 selewat-lewatnya **tujuh (7) hari** selepas pemeriksaan ladang benih selesai dijalankan. Langkah-langkah bagi pemeriksaan ladang benih peringkat tampang adalah seperti dalam **Carta Alir 5**.

Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Berbunga

Pemeriksaan ladang benih peringkat berbunga bertujuan untuk membuat pengesahan dan perakuan ke atas perkara berikut:

- i. Varieti yang ditanam memenuhi ciri-ciri benih seperti dipohon; dan
- ii. Memastikan tidak terdapat pokok takai dan penakaian dilakukan bagi menghindari pencemaran dari semua jenis pokok takai, rumpai atau perosak yang ditetapkan.

Pengeluar benih perlu membuat penakaian seperti yang disyorkan bagi memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM. Kegagalan pengeluar benih untuk mematuhi spesifikasi atau syor yang dikemukakan boleh mengakibatkan lot ladang benih berkenaan digugurkan dari senarai skim ladang benih.

Laporan pemeriksaan ladang benih perlu disediakan oleh pihak pengeluar benih mengikut format yang ditetapkan dengan disertakan bersama peta lokasi (Google Map), data-data dan gambar bagi tujuan penilaian dan perakuan. Laporan yang telah diperakui oleh pihak pengeluar benih perlu dimaklumkan kepada Pegawai K/U

BKKT Negeri berkaitan dengan menggunakan Borang SAP 3 selewat-lewatnya **tujuh (7) hari** selepas pemeriksaan ladang benih selesai dijalankan. Langkah-langkah bagi pemeriksaan ladang benih peringkat berbunga adalah seperti dalam **Carta Alir 5**.

Pemeriksaan Ladang Benih Peringkat Pra-tuai

Pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tuai bertujuan untuk membuat pengesahan dan perakuan ke atas perkara berikut:

- i. Mengesahkan ladang benih telah ditakai dengan sempurna dan menepati piawaian yang ditetapkan;
- ii. Menentukan keluasan yang diterima dan membuat anggaran hasil;
- iii. Menentukan sama ada pemeriksaan ulangan diperlukan; dan
- iv. Menyemak jadual penuaian, pemeriksaan logistik dan penghantaran ke loji pemprosesan benih padi.

Pengeluar benih perlu membuat penakaian seperti yang disyorkan bagi memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM. Kegagalan pengeluar benih untuk mematuhi spesifikasi atau syor yang dikemukakan boleh mengakibatkan lot ladang benih berkenaan digugurkan dari senarai skim ladang benih.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tuai kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui Borang SAP 3 selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum penuaian dilaksanakan. Keputusan pemeriksaan ladang benih yang telah diperakui oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan akan dimaklumkan kepada pengeluar benih dengan menggunakan Borang SAP 3 selewat-lewatnya **tujuh (7) hari** selepas pemeriksaan ladang benih selesai dijalankan. Langkah-langkah bagi pemeriksaan ladang benih peringkat pra-tuai adalah seperti dalam **Carta Alir 6**.

PROSEDUR PEMERIKSAAN LOJI PEMROSESAN BENIH PADI

Pemeriksaan loji pemprosesan benih padi dijalankan bagi memastikan loji pemprosesan benih padi mempunyai peralatan yang bersesuaian dan semua peralatan berada dalam keadaan bersih dan terurus. Ia bertujuan bagi menghindari

sebarang pencemaran atau percampuran varieti semasa penerimaan benih padi mentah dan aktiviti pemprosesan benih padi dijalankan.

Sebagai salah satu pra-syarat utama, setiap pengeluar benih diwajibkan mempunyai alat pemprosesan dan penggredan yang lengkap terdiri daripada *fine cleaner*, *gravity separator*, *indented cylinder* dan *optical color sorter*. Bagi mengelakkan risiko pencemaran atau percampuran, peralatan seperti *intake pit*, *pre cleaner*, *dryer*, *silo*, *fine cleaner*, *gravity separator*, *indented cylinder*, *optical color sorter*, *elevator*, *conveyor*, *hopper bin*, alat pembungkus dan skrin akan diperiksa.

Pengeluar benih perlu memastikan semua peralatan adalah bersih dan bebas daripada sebarang pencemaran. Pengeluar benih perlu membersihkan semua peralatan sebelum pemprosesan bermula. Pengeluar benih juga perlu memastikan semua operasi loji pemprosesan benih tidak tercemar atau bercampur dengan kategori atau varieti lain atau padi mentah bukan untuk tujuan pengeluaran benih. Pengeluar benih juga perlu menyediakan rekod penyelenggaraan loji (buku log) secara berjadual (merujuk kepada manual peralatan berkaitan).

Pemeriksaan akan dibuat sebelum aktiviti pemprosesan dimulakan dan apabila berlaku pertukaran varieti atau pertukaran kategori benih sah ke benih daftar dalam setiap aliran pemprosesan. Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pemeriksaan loji pemprosesan benih padi melalui borang **Laporan Pemeriksaan Loji Pemprosesan Benih Padi (Borang SAP 4)** kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum pemprosesan dijalankan. Pengeluar benih atau wakil pengurusan perlu hadir bersama semasa pemeriksaan dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan. Pemeriksaan juga akan dijalankan pada bila-bila masa jika diperlukan.

Sebarang tindakan dan keraguan yang boleh menyebabkan berlakunya pencemaran atau pencampuran akan mengakibatkan konsainan benih mentah atau benih proses berkaitan ditolak. Keputusan pemeriksaan loji pemprosesan benih padi akan dimaklumkan kepada pengeluar benih dengan menggunakan Borang SAP 4. Pengesahan terhadap keputusan pemeriksaan loji pemprosesan benih padi

akan dibuat oleh Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan. Langkah-langkah bagi pemeriksaan loji pemprosesan benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 7**.

PROSEDUR PENUAIAN DAN PEMROSESAN BENIH PADI MENTAH

Penuaian Benih Padi Mentah

Pengeluar benih perlu memastikan semua jentuai bebas daripada sebarang pencemaran seperti benih rumpai, padi angin, varieti lain dan padi mentah bukan untuk tujuan pengeluaran benih. Hanya lot ladang benih yang lulus pemeriksaan ladang benih dan telah mencapai tahap masak 95% sahaja dibenarkan dituai.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk penuaian benih padi mentah kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui borang **Rekod Hasil Tuaian Benih Padi Mentah (Borang SAP 5)** selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum penuaian dilaksanakan. Pengeluar benih juga perlu merekodkan jumlah tuaian dari setiap lot ladang benih dalam Borang SAP 5 dan diperakui oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan. Langkah-langkah bagi penuaian benih padi mentah adalah seperti dalam **Carta Alir 8**.

Pengumpulan dan Penghantaran Benih Padi Mentah

Benih mentah yang dituai dari ladang benih dan telah lulus pemeriksaan ladang benih perlulah dihantar dan diproses di loji pemprosesan benih padi yang telah berdaftar dan diperakui oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan.

Pemindahan konsainan benih padi mentah daripada satu tempat ke tempat yang lain perlulah menggunakan borang **Pemindahan Benih Padi Mentah (Borang SAP 6a)** dan diperakui oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan. Pengeluar bertanggungjawab untuk memastikan tidak berlakunya percampuran dan pencemaran ke atas konsainan benih padi terlibat di sepanjang rangkaian proses pengoperasian. Pengumpulan konsainan benih mentah perlulah mematuhi ketetapan berikut:

- i. Konsainan benih padi mentah daripada pengeluar yang sama; dan
- ii. Varieti, kategori dan lokasi dalam rangkaian generasi pembiakan yang sama.

Maklumat Hasil Tuaian Benih Padi Mentah

Pengeluar benih perlu menghantar maklumat hasil tuaian benih padi mentah bersama dokumen sokongan Borang SAP 5, Borang SAP 6a dan resit timbangan kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan setiap **dua (2) minggu**. Langkah-langkah bagi pemindahan benih padi mentah adalah seperti dalam **Carta Alir 9**.

Pemprosesan Benih Padi Mentah

Pengeluar benih bertanggungjawab sepenuhnya untuk memproses benih padi mentah yang diterima dan diperakui oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan di loji pemprosesan benih padi yang telah ditetapkan. Pengeluar benih perlu menyediakan rekod benih mentah dan rekod pengeringan yang akan diperiksa dari semasa ke semasa.

Jika melibatkan pemindahan benih padi kering, pengeluar benih perlulah membuat permohonan pemindahan konsainan benih padi kering melalui borang **Pemindahan Benih Padi Kering (Borang SAP 6b)** dan diperakui oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan. Pemindahan benih padi kering perlulah terdiri daripada varieti, kategori dan lokasi dalam rantaian generasi pembiakan yang sama. Langkah-langkah bagi pemindahan benih padi kering adalah seperti dalam **Carta Alir 9**.

PROSEDUR PEMBUNGKUSAN DAN PENGGUNAAN LABEL

Benih padi yang telah siap diproses perlulah dibungkus dengan bahan pembungkus yang sesuai seberat 20 kg bagi setiap bungkusan dan dijahit dengan kad label seperti di Lampiran 2. **Pengeluar benih perlu memastikan benih proses disusun pada had maksimum sebanyak 30 tan bagi setiap lot benih**. Lot benih perlulah disusun dalam stor penyimpanan dengan jarak minimum satu (1) meter antara lot dan ketinggian lot tidak melebihi dua (2) tingkat. Pengeluar benih bertanggungjawab menyediakan rekod benih proses yang telah dikeluarkan. Rekod benih proses ini akan disemak dari semasa ke semasa oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan.

PROSEDUR PENSAMPELAN BENIH

Pensampelan bertujuan untuk mendapatkan saiz sampel serahan yang mencukupi dan diambil secara rawak bagi mewakili setiap lot benih proses. Setiap lot benih proses perlu disampel untuk diuji dan dibandingkan dengan piawaian yang ditetapkan bagi mendapatkan perakuan dan pengesahan kualiti.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pensampelan benih kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui borang **Pengambilan Sampel Untuk Ujian Benih Padi (Borang SAP 7)** selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum sampel diambil. Langkah-langkah bagi pensampelan benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 10**.

Aturan Pensampelan Benih

Pensampelan akan dibuat oleh wakil pengeluar benih dengan pemantauan Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan mengikut waktu yang akan ditetapkan. Pensampelan benih dibuat berpandukan kepada MS 320 (Seeds - Sampling and Test Method) oleh Standard Malaysia dan International Rules for Seed Testing oleh International Seed Testing Association (ISTA). Pengeluar benih atau wakil pengurusan perlu hadir bersama semasa pengambilan sampel dijalankan.

Sampel-sampel yang diambil akan dicatatkan di dalam Borang SAP 7. Setiap sampel perlu mempunyai label yang menerangkan kategori benih, nombor lot, nombor siri label, varieti dan kuantiti. Pengesahan terhadap Borang SAP 7 akan dibuat oleh Pegawai SPI BKKT atau Pembantu Makmal BKKT Negeri berkaitan setelah sampel didaftar di Makmal Ujian Biji Benih (MUBB) berkaitan.

PROSEDUR UJIAN KUALITI BENIH PADI

Ujian kualiti benih padi bertujuan untuk menentukan sama ada benih padi yang telah diproses memenuhi piawaian biji benih seperti yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM serta seterusnya bagi memberikan perakuan dan pengesahan kualiti. Semua sampel akan diuji mengikut prosedur ujian yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Ujian Biji Benih dan dokumen MS 320 (*Seeds - Sampling and Test*

Method) oleh Standard Malaysia dan *International Rules for Seed Testing* oleh *International Seed Testing Association* (ISTA). Jenis ujian yang ditetapkan di bawah SPBP ialah ujian kelembapan, ketulenan fizikal, percambahan dan carian biji lain.

Tempoh pelaksanaan ujian benih padi adalah dalam tempoh tidak lebih daripada **empat belas (14) hari** dari tarikh ujian percambahan dilaksanakan. Semua keputusan ujian akan dimaklumkan melalui borang **Laporan Makmal Ujian Biji Benih (Borang SAP 8)**. Pengesahan terhadap keputusan ujian biji benih akan dibuat oleh Pengawai K/U BKKT Negeri berkaitan.

Ujian Kelembapan

Ujian kelembapan dijalankan di MUBB berkaitan bagi mengukur kandungan kelembapan dalam biji benih. Ia bertujuan untuk menentukan benih mempunyai kelembapan yang selamat untuk tujuan penyimpanan. Perakuan dibuat mengikut piawaian biji benih seperti yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM.

Bagi lot-lot benih yang tidak menepati piawaian biji benih, pengeringan semula disyorkan. Sekiranya pengeluar benih melaksanakan proses pengeringan semula, ujian akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Jika pengeringan semula tidak dilakukan, lot benih berkenaan perlu dilupuskan sebagai bukan benih sebelum verifikasi stok dilaksanakan.

Ujian Ketulenan Fizikal

Ujian ketulenan dijalankan di MUBB berkaitan berdasarkan pemerhatian visual dan diasing mengikut komponen biji tulen, bahan lengai, biji benih lain dan biji rumpai. Perakuan dibuat mengikut piawaian biji benih seperti yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM.

Bagi lot-lot benih yang tidak menepati tahap piawaian biji benih, pemprosesan semula akan disyorkan. Sekiranya pengeluar benih melaksanakan pemprosesan semula, ujian akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Jika pemprosesan semula tidak dilakukan, lot benih berkenaan perlu dilupuskan sebagai bukan benih sebelum verifikasi stok dilaksanakan.

Ujian Percambahan

Ujian percambahan dijalankan di MUBB berkaitan bagi mengukur kebolehhidup biji benih. Setiap sampel diuji dalam keadaan yang optimum bagi tanaman padi untuk tempoh masa yang ditetapkan. Keputusan ini memberikan ukuran potensi pertumbuhan benih di ladang dalam keadaan yang optimum. Perakuan dibuat mengikut piawaian biji benih seperti yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM.

Bagi lot-lot benih yang tidak menepati piawaian, lot benih berkenaan perlu dilupuskan sebagai bukan benih sebelum verifikasi stok dilaksanakan.

Ujian Carian Biji Lain

Ujian carian biji lain dijalankan di MUBB berkaitan berdasarkan pemerhatian visual bagi menentukan bilangan biji lain yang ditemui dalam sampel terlibat. Penilaian biji lain melibatkan mana-mana biji benih tanaman dan rumpai selain daripada biji tulen. Perakuan dibuat mengikut piawaian biji benih seperti yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM.

Bagi lot-lot benih yang tidak menepati tahap piawaian biji benih, pemprosesan semula akan disyorkan. Sekiranya pengeluar benih melaksanakan pemprosesan semula, ujian akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Jika pemprosesan semula tidak dilakukan, lot benih berkenaan perlu dilupuskan sebagai bukan benih sebelum verifikasi stok dilaksanakan.

Ujian Tamat Tempoh

Ujian tamat tempoh akan dibuat bagi lot benih yang disimpan melebihi **empat (4) bulan** daripada tarikh pengeringan jika masih terdapat benih dalam simpanan. Seterusnya ujian tamat tempoh perlu dibuat setiap bulan jika masih terdapat benih di dalam simpanan. Proses ujian tamat tempoh perlu dijalankan setiap bulan sehinggalah lot benih terlibat telah tidak memenuhi piawaian. Pada bila-bila masa jika lot benih yang diuji tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan, pengeluar benih perlu melupuskan daripada stok dan dikeluarkan dari stor benih padi. Pengeluar benih bertanggungjawab bagi memastikan lot benih disimpan dengan baik dan sempurna supaya kualiti benih tidak terjejas.

Pensampelan akan dibuat semula bagi lot-lot benih yang akan menjalani ujian tamat tempoh mengikut aturan pensampelan benih. Hanya ujian ketulenan, percambahan dan kelembapan sahaja dijalankan bagi memastikan lot benih tersebut memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pensampelan benih bagi lot benih ujian tamat tempoh kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui Borang SAP 7 selewat-lewatnya **tujuh (7) hari** sebelum tamat tempoh empat (4) bulan.

Pengeluar benih atau wakil pengurusan perlu hadir bersama semasa pensampelan benih dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pensampelan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan. Langkah-langkah bagi ujian biji benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 11**.

PROSEDUR PEMERIKSAAN STOR DAN STOK

Pemeriksaan stor dan stok bertujuan untuk memastikan benih padi disimpan dalam keadaan baik dan teratur serta mudah dikesan. Pengeluar benih perlu memastikan persekitaran stor sentiasa bersih dan bebas daripada infestasi serangga perosak yang tinggi dan tidak terdedah kepada keadaan persekitaran stor yang tidak sesuai serta boleh menjejaskan kebolehidup (viability) dan kecergasan (vigour) biji benih. Stor perlu mempunyai suhu dan kelembapan bandingan udara yang terkawal. Langkah-langkah seperti sanitasi dan fumigasi boleh dilakukan dari semasa ke semasa bagi membendung kemungkinan berlakunya serangan infestasi serangga perosak yang tinggi.

Pengeluar perlu memastikan hanya benih yang diperakui memenuhi piawaian sahaja ditempatkan di dalam stor benih yang dikhaskan. Pemeriksaan stor dan stok akan dijalankan pada masa yang ditetapkan atau pada bila-bila masa yang sesuai oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan. Semasa pemeriksaan stor dan stok, semakan jumlah stok benih, penggunaan label dan beg pembungkus akan dilaksanakan.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pemeriksaan stor dan stok kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui borang **Laporan Pemeriksaan Stor dan Stok Benih Padi (Borang SAP 9)** dalam tempoh **tiga (3) hari** sebelum pemeriksaan dilaksanakan.

Pengeluar benih atau wakil pengurusan perlu hadir bersama semasa pemeriksaan stor dan stok dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan. Keputusan pemeriksaan akan dimaklumkan kepada pengeluar benih dengan menggunakan Borang SAP 9 selewat-lewatnya **tiga (3) hari** selepas pemeriksaan dibuat. Langkah-langkah bagi pemeriksaan stor dan stok adalah seperti dalam **Carta Alir 12**.

PROSEDUR PEMROSESAN SEMULA BENIH PADI

Pemprosesan semula hanya dibenarkan kepada lot benih yang tidak menepati piawaian biji benih bagi ujian ketulenan, ujian kelembapan dan ujian carian biji lain sahaja. Pemprosesan semula benih padi ini hanya dibenarkan **satu (1) kali** sahaja. Jika melibatkan pemprosesan semula, pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pemprosesan semula kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui borang **Pemprosesan Semula Benih Padi (Borang SAP 13)** selewat-lewatnya **14 hari** selepas keputusan ujian pertama diperolehi. Pemprosesan semula hanya boleh dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan.

Pembungkusan dan Penggunaan Label

Lot benih yang menjalani pemprosesan semula perlulah dibungkus dan dijahit dengan label baru. Label tersebut perlu menggunakan nombor siri baru dan nombor lot lama yang ditanda 'U' (Ulangan).

Pensampelan Benih dan Ujian Biji Benih

Pensampelan akan dibuat semula bagi lot-lot benih yang telah menjalankan pemprosesan semula mengikut aturan pensampelan. Semua jenis ujian biji benih

akan dibuat semula bagi memastikan lot benih tersebut memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pengambilan sampel benih bagi lot benih pemprosesan semula benih padi kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui Borang SAP 7 selewat-lewatnya **tiga (3) hari** selepas selesai proses.

Pengeluar benih atau wakil pengurusan perlu hadir bersama semasa pengambilan sampel dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan. Langkah-langkah bagi pemprosesan semula benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 13**.

PROSEDUR PERAKUAN PENGESAHAN KUALITI BENIH PADI

Perakuan pematuhan yang diberikan kepada lot-lot benih adalah berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi semasa ujian dijalankan. Hanya lot benih yang telah mendapat perakuan kualiti sahaja dikategorikan sebagai benih padi daftar atau sah dan boleh digunakan untuk tujuan penanaman. **Surat Akuan Pengesahan Benih Padi (Borang SAP 10)** akan dikeluarkan bagi lot-lot benih yang mencapai piawaian biji benih yang ditetapkan dalam MS 469 dan SJPM. Akuan pengesahan kualiti akan dibuat oleh Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan. Perakuan ini bukan satu jaminan kualiti. Pengeluar bertanggungjawab ke atas kualiti benih selepas diuji sehingga diedarkan kepada petani. Langkah-langkah bagi perakuan pengesahan kualiti benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 14**.

PROSEDUR PELABELAN

Semua beg benih padi yang digunakan dalam SPBP perlulah disertakan bersama dengan kad label benih padi seperti yang ditetapkan Jabatan Pertanian (Lampiran 2). Pencetakan label perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian. Pengeluar benih perlu membuat permohonan kebenaran untuk mencetak label benih padi yang diperlukan mengikut anggaran pengeluaran

semasa melalui borang **Permohonan Label (Borang SAP 11)**. Permohonan perlulah dibuat kepada alamat seperti berikut:

Jabatan Pertanian Malaysia,
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,
Aras 7, No. 30, Persiaran Perdana,
62624 Putrajaya.
(U.P : Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman)

Setelah mendapat kelulusan, pengeluar benih dibenarkan mencetak label mengikut siri nombor yang ditetapkan. Pengeluar benih perlu mengemukakan salinan invoice kepada alamat di atas sebagai rekod. Pengeluar benih juga perlu menyediakan rekod stok label yang digunakan. Kelulusan baru diperlukan bagi tujuan untuk mencetak label tambahan. Rekod penggunaan label perlulah dikemaskini dan semakan rekod oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan akan dibuat dari semasa ke semasa. Langkah-langkah bagi permohonan label adalah seperti dalam **Carta Alir 15**.

PROSEDUR PELUPUSAN BENIH PADI

Pengeluar benih perlu memastikan hanya lot benih yang telah diperakukan dan mendapat pengesahan kualiti sahaja ditempatkan di stor simpanan benih padi. Bagi benih padi yang tidak menepati piawaian, benih padi tersebut perlu dilupuskan sebagai bukan benih. Pemeriksaan bagi tujuan pelupusan benih padi akan dijalankan oleh Pegawai SPI BKKT Negeri berkaitan.

Pengeluar benih perlu membuat permohonan untuk pelupusan benih padi kepada Pegawai K/U BKKT Negeri berkaitan melalui borang **Pelupusan Benih Padi (Borang SAP 12)** selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum pelupusan dilaksanakan.

Pengeluar benih atau wakil pengurusan perlu hadir bersama semasa pemeriksaan pelupusan benih padi dijalankan. Kegagalan untuk membuat permohonan dan hadir semasa pemeriksaan boleh mengakibatkan lot benih terlibat dibatalkan. Keputusan pemeriksaan akan dimaklumkan kepada pengeluar benih dengan menggunakan

Borang SAP 12 selewat-lewatnya **tiga (3) hari** selepas pemeriksaan dibuat. Langkah-langkah bagi pelupusan benih padi adalah seperti dalam **Carta Alir 16**.

PENUTUP

Prosedur Skim Pengesahan Benih Padi Jabatan Pertanian ini perlu digunakan bersama dengan MS 469 dan SJPM. Kegagalan mematuhi mana-mana klausa, syarat dan keperluan atau terdapat maklumat, kaedah atau tindakan yang mencurigakan boleh mengakibatkan kelayakan untuk mendapatkan pengesahan benih terbatal.